

### THE STANDARD OF PROOF FOR CASE CONVICTION: A COMPARATIVE ANALYSIS FROM THE PERSPECTIVE OF ISLAM AND THE LEGAL SYSTEM

#### DARJAH PEMBUKTIAN BAGI PENSABITAN KES: ANALISIS PERBANDINGAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DAN SISTEM PERUNDANGAN

Suhaizad Saifuddin

(Corresponding author). Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. suhaizad@ukm.edu.my

Received: 22 Jan 2025

Article Progress  
Revised: 18 May 2025

Accepted: 18 May 2025

<b>Abstract</b>	<p><i>In court litigation, evidence plays a highly significant role in ensuring justice is upheld. One critical aspect of evidence that must be emphasised is the application of the Darjah of proof. Non-compliance with the correct application of the Darjah of proof may result in a miscarriage of justice. The primary objective of this paper is to identify the concept of the Darjah of proof from the perspective of Islam and various legal systems, including the common law and civil law systems. This paper analyses the similarities and differences in the application of the Darjah of proof for civil and criminal cases across these legal systems. The findings from this analysis will assist in proposing recommendations to improve the application of the Darjah of proof in Shariah court litigation in Malaysia. Methodologically, this study adopts a qualitative approach and is doctrinal in nature. Data is collected through documentation methods, including library research involving books, articles, statutes and reported cases. The collected data is then analysed using content analysis and comparative analysis methods. The study finds that there are both similarities and differences among the three legal systems regarding the application of the Darjah of proof in litigation cases. Therefore, this study recommends that the Darjah of proof prescribed by Islamic law be harmonised and applied to the litigation cases in Shariah courts in this country.</i></p> <p>Keywords: Justice System, Case Litigation, Evidence, Standard of Proof, Case Conviction.</p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Dalam litigasi kes di mahkamah, keterangan memainkan peranan yang amat signifikan bagi memastikan keadilan dapat ditegakkan. Salah satu aspek berkaitan pembuktian yang perlu di titik beratkan ialah pemakaian darjah pembuktian. Ketidakpatuhan terhadap pemakaian darjah pembuktian yang sebenar boleh mengakibatkan berlaku ketidakadilan. Objektif utama penulisan ini adalah untuk mengenalpasti konsep darjah pembuktian menurut perspektif Islam dan beberapa sistem perundangan yang terdiri daripada sistem common law dan sistem civil law. Penulisan ini menganalisis persamaan dan perbezaan pemakaian darjah pembuktian bagi kes mal dan kes jenayah bagi kesemua sistem perundangan ini. Hasil dari analisis tersebut akan membantu penulisan ini mengemukakan cadangan untuk diaplikasi bagi memperbaiki pemakaian darjah pembuktian bagi litigasi kes di Mahkamah Syariah di Malaysia. Dari sudut metodologi, penulisan ini menggunakan kaedah</i></p>

	<p><i>kualitatif dan merupakan kajian berbentuk doktrinal. Data dikumpul melalui metode dokumentasi yang didapati menerusi kajian perpustakaan seperti buku, artikel, statut dan kes-kes yang dilaporkan. Data-data yang diperolehi ini selanjutnya dianalisis menerusi kaedah analisis kandungan dan analisis perbandingan. Hasil penulisan mendapati terdapat persamaan dan perbezaan di antara ketiga-tiga sistem perundangan ini berhubung pemakaian darjah pembuktian bagi litigasi kes. Justeru, kajian ini mencadangkan agar darjah pembuktian yang ditetapkan oleh undang-undang Islam diharmonisasi dan diaplikasi bagi pemakaian litigasi kes syariah di negara ini.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Sistem Keadilan, Litigasi Kes, Pembuktian, Darjah Pembuktian, Pensabitan Kes</i></p>
--	---

## PENDAHULUAN

Menurut perspektif Islam, keadilan tidak hanya melibatkan aspek hukuman tetapi mencakupi keseluruhan sistem pentadbiran keadilan. Ia merangkumi keperluan kepada undang-undang yang adil, hakim yang layak, berwibawa dan bebas daripada pengaruh luar, hukuman yang setimpal, keterangan yang tepat serta pembuktian yang kukuh. Seperti yang ditegaskan oleh Mahmood Saedon (1990), elemen-elemen ini saling melengkapi untuk memastikan keadilan dapat ditegakkan sepenuhnya. Pembuktian memainkan peranan yang amat penting dalam litigasi kes kerana ia menjadi asas bagi menentukan kebenaran atau kepalsuan sesuatu tuduhan. Proses pembuktian melibatkan dua elemen utama iaitu beban pembuktian dan darjah pembuktian. Beban pembuktian merujuk kepada pihak yang bertanggungjawab untuk membuktikan sesuatu fakta, manakala darjah pembuktian menentukan tahap keyakinan yang diperlukan bagi membuat keputusan yang adil. Dalam litigasi kes jenayah, elemen-elemen ini menjadi lebih kritikal kerana hukuman yang dijatuhkan boleh melibatkan implikasi serius terhadap nyawa, kebebasan, dan maruah tertuduh. Justeru, keadilan hanya dapat dicapai apabila pihak yang memikul beban pembuktian melaksanakan tugas mereka dengan penuh integriti dan bukti yang dikemukakan mencapai darjah pembuktian yang telah ditetapkan. Selain itu, keperluan untuk mencapai keadilan dalam pembuktian tidak hanya terhad kepada kes jenayah tetapi juga meliputi kes-kes sivil. Kegagalan untuk memenuhi prinsip pembuktian yang ditetapkan bermakna pihak pendakwa tidak dapat mensabitkan tuduhan. Proses perbicaraan berjalan berdasarkan prinsip dan kaedah tertentu yang mesti dipatuhi oleh semua pihak, termasuk hakim, untuk memastikan keadilan ditegakkan (Abdul Halim, 2019).

Terdapat beberapa sistem perundangan utama di dunia hari ini. Pertama, sistem undang-undang sivil (*civil law*) yang diguna pakai di benua Eropah dan bekas jajahannya seperti Perancis, Belanda dan Indonesia. Kedua, sistem undang-undang *common law*, yang diterapkan di United Kingdom, Amerika Syarikat dan negara-negara yang pernah menjadi jajahan British. Seterusnya sistem undang-undang Islam yang dilaksanakan di negara-negara majoriti Muslim, terutamanya di Timur Tengah seperti di Arab Saudi, Iran dan Sudan. Akhir sekali, sistem campuran atau hibrid, di mana campuran sistem perundangan seperti undang-undang *common law* dan undang-undang Islam digunakan secara bersama, seperti di Malaysia (Suhaizad et al., 2024). Sistem undang-undang Islam menunjukkan keseimbangan yang unik antara prinsip tradisional dan keperluan moden. Ia berbeza dengan sistem perundangan lain seperti *common law* dan *civil law*, tetapi tetap berkongsi beberapa nilai asas, seperti keperluan untuk memastikan kesaksian yang adil dan pembuktian yang kukuh. Keadilan dalam Islam menuntut pendekatan yang menyeluruh dan berhati-hati dalam semua aspek pentadbiran undang-undang. Penegasan terhadap pentingnya pembuktian yang tepat dan darjah pembuktian yang sesuai adalah asas bagi menjamin keadilan, terutama dalam kes jenayah syariah. Prinsip ini tidak hanya memelihara hak-hak tertuduh tetapi juga memastikan integriti sistem perundangan Islam terus terpelihara. Dengan menekankan nilai keadilan sejagat ini, Islam membuktikan bahawa ia relevan dan sesuai untuk diterapkan dalam konteks perundangan moden.

## SOROTAN LITERATUR

### Konsep Darjah Pembuktian Menurut Perpektif Islam

Darjah pembuktian berkait rapat dengan beban pembuktian. Kedua-dua aspek ini berkait rapat dengan kaedah usul fiqh *al-Istishab*. Berdasarkan kaedah tersebut, sesuatu perkara yang yakin tidak boleh dihilangkan semata-mata *syak* atau keraguan yang lemah ditimbulkan. Dalam istilah perundangan Bahasa Arab, darjah pembuktian dikenali sebagai *mi'yar al-Ithbat*. Darjah pembuktian boleh difahami sebagai tahap dan nilai tertentu yang perlu dibuktikan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu litigasi kes. Darjah pembuktian ini memberi implikasi kepada sesuatu litigasi kes sama ada disabitkan atau sebaliknya. Muhammad Mustafa Zuhaili (1982) membincangkan darjah pembuktian di bawah tajuk kekuatan pembuktian berhubung kepastian (*qat'ei*) dan tidak pasti (*zanni*). Sementara Subhi Mahsamani (1948) membahagikan tahap kepastian berhubung pembuktian yang dikemukakan kepada lima peringkat iaitu *yaqin*, *zan al-Ghalib*, *zan*, *syak* dan *wahm*. *Yaqin* merupakan darjah pembuktian yang paling utama diikuti dengan darjah tidak pasti yang terbahagi kepada tiga kategori iaitu *zan*, *syak* dan *wahm*. Selain darjah-darjah tersebut, terdapat satu darjah yang dikenali sebagai *zan al-Ghalib* iaitu sangkaan kuat dan pasti yang diterima dalam pembuktian dan diletakkan setara dengan darjah *yaqin*.

Dalam perspektif Islam, yakin (*yaqin*) adalah darjah pembuktian tertinggi yang memberikan keyakinan penuh tanpa sebarang keraguan. Dari segi bahasa, *yaqin* merujuk kepada ilmu yang tidak disertai keraguan, sebagaimana dinyatakan oleh Al-Jurjani (1985). Menurut Ibn Manzur (2000), *yaqin* adalah pengetahuan yang menghilangkan keraguan dan merujuk kepada hakikat sesuatu perkara, bertentangan dengan keraguan. Dari sudut istilah, Al-Jurjani mentakrifkan *yaqin* sebagai keyakinan terhadap sesuatu perkara yang tidak mungkin berlaku melainkan seperti yang diyakini dan bertepatan dengan kenyataan. Abu Hilal al-Askari (1997) pula mendefinisikan *yaqin* sebagai ketenangan jiwa dan ketenteraman dada terhadap sesuatu pengetahuan. Al-Burnu (1989) menekankan bahawa *yaqin* adalah ketetapan hati yang bebas daripada sebarang keraguan, berdasarkan bukti yang pasti. Dalam konteks pembuktian, Subhi Mahsamani (1948) menjelaskan bahawa *yaqin* diperoleh melalui penglihatan, keterangan atau dalil yang jelas. Mensabitkan sesuatu kes hingga ke peringkat *yaqin* bermakna kes tersebut telah dibuktikan tanpa sebarang keraguan bahawa pihak tertuduh telah melakukan kesalahan tertentu (Mahmood Saedon, 1989). Dalam perbicaraan, darjah *yaqin* yang dimaksudkan ialah *'ilm yaqin*, iaitu keyakinan yang diperoleh melalui bukti yang dikemukakan oleh pihak-pihak yang bertikai. Bukti-bukti tersebut mestilah bebas daripada sebarang keraguan yang boleh menurunkan darjah keyakinan. Pada asasnya, seseorang yang didakwa tidak dianggap bersalah sehingga dapat dibuktikan sebaliknya. Ini kerana keyakinan asal ialah pihak yang didakwa tidak bersalah. Namun, keyakinan ini akan hilang sekiranya pihak pendakwa dapat mengemukakan pembuktian yang mencapai darjah *yaqin*. Prinsip ini selaras dengan kaedah fiqh, "Tanggungjawab yang dibina atas yakin tidak boleh dihapuskan kecuali dengan yakin" (Al-Hariri, 1998). Ertinya, pihak yang mendakwa perlu mengemukakan bukti yang kuat sehingga mampu menghilangkan keyakinan asal bahawa pihak tertuduh adalah tidak bersalah. Pembuktian yang mencapai darjah *yaqin* ini memastikan keadilan terpelihara dalam setiap perbicaraan.

Darjah pembuktian kedua ialah sangkaan kuat (*zan al-Ghalib*). *Zan al-Ghalib* merupakan gabungan daripada dua perkataan iaitu "*zan*" dan "*al-Ghalib*". Dari segi bahasa, *zan* merupakan suatu tanda yang ketika dalam keadaan kuat membawa kepada kepastian dan apabila dalam keadaan yang lemah membawa kepada satu peringkat yang tidak melebihi sehingga ke peringkat *wahm* (Al-Gharib, 1978). Menurut Ibn Faris (1991), *zan* mempunyai dua maksud yang berbeza iaitu *yaqin* dan *syak*. Ini kerana masyarakat Arab menggunakan perkataan *zan* bagi kedua-dua keadaan tersebut. Sementara *ghalib* mempunyai beberapa maksud antaranya kuat, menguasai, banyak dan tebal (Ibn Manzur, 1983). Manakala dari segi istilah, *zan al-Ghalib* ditakrifkan sebagai tambahan ke atas dua kemungkinan yang tidak mencapai darjah yang pasti atau yakin (Ibn Amir Al-Haj, 1983).

Selain itu, *zan al-Ghalib* difahami sebagai salah satu keadaan *zan* yang boleh membantu mencapai kebenaran walaupun tidak dapat memberikan kepastian sepenuhnya (Mahmood Saedon, 1990). Melalui definisi-definisi yang diberikan, *zan al-Ghalib* amat berkait rapat dengan *zan*.

Walau bagaimanapun, terdapat fuqaha yang membezakan *zan al-Ghalib* dengan *zan*. *Zan al-Ghalib* merupakan satu darjah yang menghampiri kepada yakin dan kepastian, manakala *zan* menghampiri kepada syak atau keraguan. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan al-Syatibi (1997) bahawa tingkatan *zan* dalam perkara-perkara berhubung penafian dan pensabitan berbeza berdasarkan kekuatan dan kelemahan yang boleh membawa kepada sama ada kepastian atau keraguan. Ibn 'Abidin (1994) juga menerangkan sekiranya salah satu dari dua perkara itu kuat dan mengatasi perkara yang lain tetapi hati tidak mengambil kira perkara itu kerana tidak boleh mengabaikan perkara yang lain, ia dinamakan *zan*. Manakala sekiranya hati tetap dengan salah satu perkara tersebut dan boleh meninggalkan perkara yang satu lagi maka ia adalah *zan al-Ghalib*. Oleh itu, *zan* yang kuat akan membawa kepada kepastian, sedangkan *zan* yang lemah akan membawa kepada keraguan. Al-Raisuni telah meletakkan peratusan bagi menetapkan *zan* dan *zan al-Ghalib* bermula 51 sehingga 99 peratus (Al-Raysuni, 1997). Peratusan yang dikemukakan melalui pandangan ini membantu dalam membezakan di antara darjah-darjah pembuktian. Firman Allah SWT:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَحْسَبُوا وَلَا يَعْتَبَ بَعْضُكُم بَعْضًا ؕ أَيْحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ ؕ وَاتَّقُوا اللَّهَ ؕ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ﴾

Maksudnya, "Wahai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan daripada sangkaan (*zan*) (sangkaan) kerana sesungguhnya sebahagian daripada sangkaan (*zan*) itu adalah dosa" (Al-Quran. Al-Hujurat: 12).

Melalui ayat di atas, tidak semua *zan* atau sangkaan itu adalah tidak benar dan tidak boleh diterima sebagai pembuktian untuk mendapatkan kebenaran. Menurut Al-Qurtubi (t.th) dalam tafsirnya, ayat tersebut menunjukkan *zan* atau sangkaan yang tidak dibenarkan dalam Islam ialah yang tidak dikuatkan dengan apa-apa bukti atau tanda-tanda zahir. Sekiranya sangkaan tersebut menepati kebenaran, maka sangkaan tersebut sampai kepada darjah *zan al-Ghalib*.

Kebolehterimaan pemakaian *zan al-Ghalib* dijelaskan Al-Ghazali (1970) yang mana terdapat ijmak para sahabat berhubung pemakaian *zan al-Ghalib*. Sementara itu Muhammad Mustafa Zuhaili (1982) menjelaskan Islam membenarkan pemakaian *zan al-Ghalib* dalam hukum-hakam termasuklah dalam konteks pembuktian. Misalnya *zan al-Ghalib* tercapai menerusi kesaksian dua orang lelaki, pengakuan, sumpah dan keterangan bersandarkan keadaan. Bahkan *zan al-Ghalib* diletakkan di tempat *yaqin* sekiranya terdapat kesukaran untuk mencapai darjah *yaqin* kerana ia menghampiri darjah tersebut (Ibn Farhun, 1986). Perkara ini turut dijelaskan al-Razi (1997) menerusi kaedah fiqh "sangkaan yang kuat (*zan al-Ghalib*) diletakkan ditempat keyakinan (*yaqin*)". Dalam konteks pembuktian di mahkamah, prinsip tersebut turut terpakai yang mana darjah *zan al-Ghalib* mengambil tempat yakin semasa keterangan gagal mencapai darjah *yaqin*. Sebagai contoh, jika sebuah kapal karam di tengah lautan, maka bolehlah dihukumkan semua penumpang tersebut telah terkorban berdasarkan *zan al-Ghalib* (Subhi Mahsamani, 1946). Justeru, dalam kebanyakan kes seperti takzir, kes berkaitan harta dan kekeluargaan, sesuatu dakwaan akan tersabit sekiranya pembuktian yang dikemukakan mencapai darjah *zan al-Ghalib*.

Di bawah tingkatan darjah *zan al-Ghalib* terdapat satu darjah yang dikenali dengan sangkaan (*zan*). Menurut al-Jurjani (2000) *zan* difahami sebagai mempercayai sesuatu berdasarkan satu pandangan atau pendapat yang rajih, tetapi masih menyimpan dan tidak membuang pandangan yang kedua atau yang seterusnya. Dari sudut istilah, *zan* bermaksud sangkaan atau dalam keadaan yang tidak pasti namun lebih cenderung kepada kebenaran.

Darjah ini tidak cukup untuk membuktikan di sebalik keadaan yakin (Subhi Mahsamani, 1946). Sehubungan dengan itu, *zan* boleh diertikan sebagai sangkaan yang lebih hampir kepada kebenaran, namun tidak mencapai darjah *yaqindan ghalabah al-Zan*. Firman Allah SWT:

﴿ وَمَا يَتَّبِعْ أَكْثَرُهُمْ إِلَّا ظَنًّا ۚ إِنَّ الظَّنَّ لَا يُغْنِي مِنَ الْحَقِّ شَيْئًا ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِمَا يَفْعَلُونَ ﴾

Maksudnya, “*Sesungguhnya sangkaan itu tidak dapat memenuhi kehendak menentukan sesuatu daripada kebenaran*” (Al-Quran. Yunus: 36).

Berdasarkan ayat tersebut secara umumnya *zan* tidak dapat memastikan sesuatu kebenaran. Para fuqaha membawakan *zan* yang dimaksudkan di dalam darjah ini sebagai sangkaan semata-mata (*mujarrad zan*). Darjah *mujarrad zan* ini berbeza dengan *zan a-Ghalib*, kerana ia membawa kepada keraguan dan hukum-hakam tidak terbina dengan *zan* jenis tersebut sedangkan *zan a-Ghalib* berpihak kepada keyakinan dengan terbina dengannya hukum-hakam dalam Islam (Al-Hamwi, 1998). Dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda:

{ إِيَّاكُمْ وَالظَّنَّ، فَإِنَّ الظَّنَّ أَكْذَبُ الْحَدِيثِ }

Maksudnya, “*Jauhilah sangkaan, kerana sangkaan itu perbicaraan yang paling dusta*” (Hadis. al-Bukhari. *Kitab al-Adab*. 6066).

Menerusi hadis di ini, para fuqaha mentafsirkan yang dimaksudkan dengan sangkaan di dalam hadis tersebut ialah sangkaan semata-mata yang tidak disokong dengan apa-apa petunjuk atau tanda (*al-Qarinah*) yang membawa kepada kebenaran (Al-Bahuti, 1997). Dalam konteks pembuktian di mahkamah, *zan* tidak memberikan kesan terhadap pembuktian kerana pada fuqaha telah menetapkan darjah pembuktian sehingga darjah *yaqin* atau *zan al-Ghalib* bagi mensabitkan sesuatu dakwaan.

Seterusnya ialah darjah keraguan (*syak*). Dari segi bahasa *syak* mempunyai beberapa maksud, antaranya tidak yakin, kesamaran dan keraguan (Al-Fayumi, 1998). Ibn Faris (1991) memberi maksud perkataan *syak* sebagai berlakunya keraguan di antara dua perkara dan tidak dapat meletakkan keyakinan di antara salah satu perkara tersebut. Sementara dari sudut istilah, terdapat beberapa definisi diberikan. al-Jurjani (2000) menjelaskan *syak* merupakan sesuatu perkara yang mempunyai sudut yang sama atau berhenti di antara dua perkara yang mana hati tidak cenderung kepada salah satu perkara tersebut. Ia juga merupakan keraguan di antara dua orang yang bertikai dengan tidak memberi kemenangan salah satu pihak tersebut. *Syak* juga merupakan sangkaan atau keadaan di antara pasti dan tidak pasti yang mana kedua-duanya tidak melebihi antara satu sama lain. Ia juga merupakan keadaan yang mana keraguan sama banyak dengan keyakinan dan tidak dapat dipastikan mana satu yang lebih kuat di antara keduanya.

*Syak* tidak memadai dan cukup untuk menghilangkan *yaqin* (Subhi Mahsamani, 1946). Apabila sesuatu perkara disabitkan secara yakin dan pasti kemudian datang *syak* selepasnya, keadaan yakin itu perlu dikekalkan. Dalam konteks pembuktian di mahkamah, keyakinan yang timbulkan oleh pihak yang mendakwa menerusi pembuktian hanya boleh dihilangkan dengan keraguan yang berada pada darjah *syak* berdasarkan kaedah fiqh “*syak* menjadi penjelasan bagi pihak tertuduh” (Al-Sarkhasi, 1989). Hal ini kerana keadaan asal tertuduh yang tidak bersalah merupakan perkara asal yang meyakinkan. Sekiranya tertuduh berjaya menimbulkan *syak*, keadaan asal itu kekal berada ditempatnya.

Darjah pembuktian yang paling rendah ialah sangkaan salah (*wahm*). *Wahm* dari sudut bahasa bermaksud lintasan hati (Ibn Manzur, 2000). Manakala dari sudut istilah *wahm* bermaksud pihak yang lemah atau kemungkinan yang lemah (Al-Zarkasyi, 2000). *Wahm* juga didefinisikan sebagai sangkaan atau kemungkinan yang samar-samar yang lebih hampir kepada salah dan tidak disabitkan dengan sesuatu kesalahan (Al-Burnu, 1989). Darjah ini juga merupakan sangkaan atau keadaan tidak pasti yang lebih cenderung kepada salah dan tidak mendatangkan apa-apa kesan. Erti kata lain *wahm* bermaksud salah sangka

dan merupakan darjah pembuktian paling rendah. Dalam konteks pembuktian di mahkamah, darjah *wahm* tidak diterima sama sekali dan boleh dianggap sebagai dakwaan atau penafian yang tidak disertai dengan apa-apa pembuktian.

### Darjah Pembuktian Berdasarkan Kes Menurut Perspektif Islam

Undang-undang jenayah syariah yang bersumberkan daripada prinsip Islam bertujuan memastikan keadilan dan kesaksamaan dalam proses perundangan (Suhaizad et al., 2025). Oleh yang demikian, para fuhaqa meletakkan pembuktian yang ketat bagi misalnya kesalahan hudud yang perlu mencapai darjah *yaqin* dan tanpa sebarang keraguan (Ibn Al-Humam, 1970). Darjah pembuktian *yaqin* bagi kes hudud boleh dicapai melalui kaedah pembuktian seperti pengakuan, kesaksian, keterangan bersandarkan keadaan dan sumpah. Misalnya kesaksian empat orang diperlukan bagi mensabitkan kesalahan berzina dan kesaksian dua orang lelaki diperlukan bagi kes-kes hudud yang lain menurut fuqaha (Ahmad Ibrahim Bek, 2003). Menolak hudud dengan *syubhah* (keraguan) merupakan prinsip utama dalam menentukan pensabitan kesalahan jenayah hudud. Prinsip tersebut berasaskan kepada hadis-hadis Rasulullah SAW, antaranya sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi:

{ اذْرُؤُوا الْخُدُودَ بِالشُّبُهَاتِ }

Maksudnya, “Tolak hudud yang padanya ada keraguan” (Hadis. al-Baihaqi; 17465).

Berdasarkan hadis ini, pembuktian yang dikemukakan bagi kes hudud perlu mencapai darjah *yaqin*. Darjah ini terhasil apabila pembuktian yang dikemukakan tidak mempunyai keraguan yang boleh menyebabkan dakwaan kes hudud ditolak. Para fuqaha menetapkan pembuktian dalam kes qisas dan diat juga memerlukan kepada pembuktian yang ketat dan darjah yang tinggi. Fuqaha mazhab Hanafi, Syafie dan sebahagian fuqaha Hanbali meletakkan pembuktian qisas perlu mencapai darjah yang sama dengan kesalahan hudud iaitu *yaqin*. Terdapat sebuah kaedah fiqh yang diberikan al-Suyuti (1998) iaitu “Dan qisas juga gugur dengan keraguan”. Oleh itu, qisas juga tidak boleh disabitkan sekiranya terdapat keraguan (Al-Ramli, 1983). Manakala fuqaha Maliki dan sebahagian fuqaha Hanbali pula membezakan dan memperincikan di antara hukuman jenayah yang melibatkan tubuh badan seperti qisas dan hukuman yang berbentuk harta seperti diat. Bagi kes yang melibatkan tubuh badan, pembuktian perlu sehingga mendapai darjah *yaqin*, namun bagi kes hukuman berbentuk harta memadai dengan darjah *zan al-Ghalib* sahaja. Para fuhaqa menqiaskan kes-kes hukuman berbentuk harta dengan kes-kes *mal* yang memerlukan kepada darjah *zan al-Ghalib* bagi mensabitkan dakwaan (Ibn Qudamah, 1984).

Manakala bagi kes takzir, majoriti fuhaqa menetapkan darjah pembuktian bagi mensabitkan kesalahan ini ialah *zan al-Ghalib* seperti kesaksian seorang lelaki yang cukup syarat (Al-Dusuki, 1929). Naif al-Qarafi (2012) menjelaskan bahawa ahli ilmu menetapkan bagi kes takzir, keterangan yang tidak mencapai darjah *yaqin* atau *zan al-Ghalib* dianggap mengandungi keraguan dan tidak boleh dijatuhkan hukuman. Sementara itu, mazhab Hanafi menjelaskan pembuktian yang diperlukan bagi kes takzir adalah sama dengan pembuktian kes-kes melibatkan hak manusia seperti pengakuan, kesaksian, pengetahuan hakim dan lain-lain (Wahbah Zuhaili, 2004). Oleh hal yang demikian, darjah pembuktian bagi kes takzir berbeza dan lebih luas daripada kes hudud dan qisas kerana hudud merupakan hak Allah SWT sementara qisas merupakan hak manusia yang tidak berkaitan dengan harta. Fuqaha bersepakat kedua-dua kes tersebut tidak dibolehkan untuk bersumpah dan berbeza dengan takzir. Sekiranya kesalahan hukuman takzir berkaitan dengan hak-hak berkaitan harta manusia, pihak yang didakwa boleh bersumpah (Muhammad Mustafa Zuhaili, 1982).

Darjah pembuktian bagi kes takzir ini setara dengan darjah pembuktian bagi kes berkaitan harta (*mal*). Fiqh Islam memberikan kelonggaran dalam proses pembuktian bagi kes berkaitan harta dengan membenarkan darjah pembuktian yang lebih rendah dari *yaqin*

untuk memastikan keadilan dan kelancaran urusan. Pembuktian ini termasuk kesaksian seorang lelaki bersama dua wanita atau kesaksian seorang lelaki yang disertai sumpah pihak yang menuntut. Pendekatan ini diambil berdasarkan keperluan dan kemaslahatan, memandangkan urusan berkaitan harta dianggap kurang berisiko dan tidak melibatkan implikasi yang serius seperti dalam kes jenayah berat. Kelonggaran ini mencerminkan sifat praktikal dan fleksibiliti fiqh Islam dalam menyesuaikan kaedah pembuktian dengan sifat dan keperluan sesuatu kes. Ibn Farhun (1958) juga memberikan pandangan yang sama dengan berhujah bahawa bagi kes takzir tidak disyaratkan tersabit hanya dengan kesaksian dua saksi bahkan ia boleh disabitkan melalui kaedah pembuktian bagi kes-kes pertikaian berkaitan harta sama ada secara bersumpah atau keengganan bersumpah.

Manakala bagi kes kekeluargaan, fiqh Islam mempunyai pendekatan berbeza dalam menetapkan darjah pembuktian yang diperlukan, yang mana adakala ia perlu dibuktikan seperti kes harta dan bab jenayah seperti hudud dan qisas. Dalam keadaan tertentu, pembuktian dalam masalah keluarga disamakan dengan pembuktian urusan harta yang membolehkan pembuktian lebih rendah, manakala dalam keadaan lain, ia disamakan dengan kes jenayah yang memerlukan pembuktian lebih tinggi. Perbezaan ini berdasarkan perselisihan pandangan mazhab Hanafi dan sebahagian mazhab Hanbali yang membenarkan kesaksian seorang lelaki dan dua orang wanita (bagi kes berkaitan harta) (Ibn 'Abidin, 1994). Manakala mazhab Syafie, Maliki dan sebahagian mazhab Hanbali hanya membenarkan kesaksian dua orang lelaki (seperti jenayah hudud dan qisas) (Al-Dusuki, 1929). Darjah pembuktian yang ditetapkan masih sama iaitu *zan al-Ghalib*, yang membezakan ialah kaedah untuk membuktikan sahaja. Perbezaan ini menunjukkan bahawa darjah pembuktian yang diperlukan dalam pembuktian di mahkamah menurut fiqh Islam bergantung kepada jenis kes yang dibicarakan, sekaligus mencerminkan keadilan dan kesesuaian pendekatan syariah dengan keperluan praktikal sesuatu kes.

### **Darjah Pembuktian Menurut Sistem *Common Law***

Berdasarkan *common law*, darjah pembuktian merujuk kepada tahap atau darjah pembuktian yang diperlukan untuk membuktikan fakta dalam isu dengan mengemukakan bukti yang relevan, boleh diterima, dan mempunyai berat yang signifikan (Peters, 2013). Sistem *common law* mengamalkan beberapa darjah pembuktian yang digunakan berdasarkan jenis kes yang dibicarakan. Salah satu darjah pembuktian utama ialah imbalan bebarangkalian (*balance of probabilities*) yang dikenali di United Kingdom atau (*preponderance of the evidence*) yang kenali di Amerika Syarikat. Darjah ini terpakai dalam kes-kes sivil. Imbalan kebarangkalian atau pertimbangan kemungkinan bermaksud penghakiman akan berpihak kepada pihak yang berjaya mengemukakan pembuktian yang lebih kuat dari pihak yang satu lagi. Ini bermaksud walaupun darjah pembuktian yang dikemukakan rendah, memadai bahawa darjah tersebut lebih tinggi daripada darjah pembuktian yang dikemukakan oleh pihak yang satu lagi (Christina & Michael, 1996). Darjah ini juga perlu dibuat dengan pertimbangan dan keadaan yang waras (Peter Murphy, 1980). Ia juga dapat difahami sebagai suatu keterangan yang sampai ke darjah kemungkinan yang munasabah dan darjah ini lagi tinggi daripada keterangan pihak lawan yang mana darjah ini diputuskan oleh seseorang yang munasabah dan adil. (Abdul Rahman Mustafa, 1988). Jika satu pihak dalam kes sivil dapat menunjukkan 51 peratus kebarangkalian bahawa dakwaannya benar, mereka telah memenuhi darjah ini. Darjah pembuktian kes ini digunakan bagi memutuskan kes sivil sebagaimana yang dijelaskan melalui kes *Miller v Minister of Pension* [1947] 2 All ER 372, Yang Arif Lord Denning yang menyatakan yang bermaksud "*Ianya mesti membawa kepada satu darjah kebarangkalian yang munasabah tetapi tidak setinggi darjah pembuktian sebagaimana dalam kes jenayah. Sekiranya keterangan yang dikemukakan dan tribunal berpendapat "kami rasa ianya lebih berkemungkinan daripada tidak" beban telah disempurnakan, tetapi sekiranya kemungkinan itu adalah sama berat, ia adalah sebaliknya*".

Darjah pembuktian ini kemudiannya dirujuk dan diikuti bagi kes sivil dan kes tuntutan sivil di Malaysia sebagaimana yang dijelaskan melalui kes *Noel Kenneth Davidson*

*v Firm Corp. Sdn. Bhd* [1994] 2 MLJ 40. Walaupun begitu, darjah pembuktian ini juga diguna pakai bagi kes jenayah dalam keadaan-keadaan tertentu misalnya bagi kes anggapan, dalihan dan kes-kes sivil yang mempunyai elemen jenayah. Yang Arif Hakim Mohamed Azmi menerangkan menerusi penghakiman kes *Mohd Radhi bin Yaacob v Pendakwa Raya* [1991] 3 MLJ 171. untuk mematahkan anggapan statutori sebagaimana pihak tertuduh dalam kes ini yang telah dituduh dengan kesalahan mengedar dadah, maka darjah imbalan kebarangkalian diperlukan. Darjah pembuktian ini tidak seberat darjah pembuktian melampaui keraguan yang munasabah yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Sementara berpandukan kes *Ang Hiok Seng v Yim Yut Kiu* [1997] 1 AMR 917. Mahkamah Persekutuan telah mengklasifikasikan frod kepada dua jenis iaitu frod sivil dan frod jenayah. Hakim perbicaraan menjelaskan, bagi kesalahan frod jenayah, ia perlu dibuktikan sehingga melampaui keraguan yang munasabah manakala frod sivil hanya perlu dibuktikan dengan darjah imbalan kebarangkalian.

Walaupun darjah pembuktian darjah ini digunakan secara meluas dalam sistem *common law*, ia mempunyai beberapa kelemahan yang boleh menimbulkan cabaran dalam pelaksanaannya. Antaranya imbalan kebarangkalian hanya memerlukan bukti yang sedikit lebih kuat daripada bukti pihak lawan, yang bermakna keputusan boleh dibuat walaupun tidak mencapai tahap kepastian yang tinggi. Hal ini boleh menyebabkan rasa tidak puas hati, terutama dalam kes yang melibatkan kepentingan besar seperti hak penjagaan anak atau tuntutan kewangan yang besar. Apabila bukti kedua-dua pihak dianggap sama berat, tuntutan akan ditolak. Dalam situasi seperti ini, pihak yang benar mungkin tidak mendapat keadilan hanya kerana kegagalan kecil untuk melebihi beban bukti pihak lawan. Dalam kes-kes yang melibatkan implikasi serius, seperti kecuaiian perubatan atau hak asasi manusia, darjah pembuktian yang rendah ini mungkin tidak cukup memadai untuk memastikan keadilan sepenuhnya. Hal ini kerana keputusan dibuat tanpa kepastian yang tinggi.

Dalam beberapa kes sivil, sistem *common law* di Amerika Syarikat menggunakan darjah kedua, iaitu darjah bukti yang jelas dan meyakinkan (*clear and convincing evidence*). Darjah ini digunakan dalam kes-kes yang dianggap serius, iaitu kes-kes di mana kepentingan yang dipertaruhkan lebih besar berbanding kes-kes lain. Contoh kes serius termasuk tuntutan ganti rugi punitif, seperti tuduhan penipuan, serta kes imigrasi di mana hak untuk tinggal di sesebuah negara menjadi isu utama. Darjah ini lebih ketat berbanding imbalan kebarangkalian. Untuk mendapatkan keputusan yang memihak kepadanya, pihak yang memikul beban pembuktian mesti memberikan usaha yang lebih besar dalam pembuktian dengan mengemukakan bukti yang lebih kukuh atau yang mempunyai nilai probatif (*probative value*) yang lebih tinggi daripada bukti yang mencukupi dalam kes-kes lain.

Dalam kes jenayah, sistem *common law* mengaplikasi darjah melampaui keraguan yang munasabah (*beyond reasonable doubt*). Menurut *Black's Law Dictionary* (2004) melampaui keraguan yang munasabah merupakan darjah yang digunakan oleh juri untuk menentukan sama ada seorang pihak tertuduh dalam kes jenayah bersalah. Darjah pembuktian yang menjadi prinsip undang-undang ini lahir berdasarkan keputusan kes *Woolmington v Pendakwa Raya* [1935] AC 462. Beberapa tahun selepas itu, Hakim Denny J dalam kes *Miller vs Minister of Pensions* [1947] 2 All ER 372 pula menjelaskan darjah pembuktian ini tidak perlu sehingga mencapai darjah yakin (*certainty*), tetapi cukup mempunyai kebarangkalian yang tinggi. Hakim perbicaraan selanjutnya menjelaskan darjah pembuktian melampaui keraguan yang munasabah tidak boleh disamakan dengan darjah melampaui bayang keraguan. Undang-undang itu akan gagal untuk melindungi masyarakat jika terdapat kemungkinan untuk memesongkan keadilan. Sekiranya bukti yang dibawa seseorang adalah amat kuat, yang hanya meninggalkan kemungkinan yang terlalu tipis (*remote possibility*) yang berpihak kepadanya kes tersebut dikatakan telah dibuktikan sehingga melampaui keraguan yang munasabah. Dalam perbicaraan kes jenayah di Malaysia, keterangan yang dikemukakan pihak pendakwaan perlu melampaui keraguan yang munasabah di akhir perbicaraan. Mahkamah Agong melalui kes *Mohamed Radhi bin*

*Yaacob v Pendakwa Raya* [1991] 3 MLJ 169 telah menjelaskan bahawa prinsip asas dalam perbicaraan kes jenayah di Malaysia ialah beban pembuktian terletak di atas tanggungjawab pihak pendakwaan untuk membuktikan kes sehingga melampaui keraguan yang munasabah.

Darjah ini mempunyai hubung kait dengan *prima facie*. Merujuk *The Oxford English Dictionary* (2010), *prima facie* ditakrifkan sebagai pada pandangan pertama atau seperti yang muncul pada mulanya tanpa penyiasatan atau timbul pada pandangan pertama atau berdasarkan atau diasaskan pada tanggapan pertama. *Black's Law Dictionary* (2004) pula memberikan maksud yang lebih jelas di mana *prima facie* merupakan kecukupan untuk membuktikan fakta atau menimbulkan anggapan melainkan jika dibuktikan sebaliknya atau dipatahkan. Gordon-Smith Ag JA menerusi penghakiman kes *Pendakwa Raya v Chin Yoke* [1940] MLJ 47 telah memetik takrifan *prima facie* dengan merujuk kepada *Mozley and Whiteley's Law Dictionary*. *Prima facie* bermaksud pihak yang terlibat dalam perbicaraan dikatakan mempunyai kes *prima facie* apabila keterangan yang menyokong adalah cukup kuat untuk pihak lawan dipanggil untuk menjawabnya. Oleh itu, kes *prima facie* adalah terbentuk dengan bukti yang mencukupi, dan hanya boleh dipatahkan dengan keterangan menyangkal yang dikemukakan oleh pihak yang satu lagi. Berdasarkan kes *Balachandran v Pendakwa Raya* [2005] 2 MLJ 301 dan kes *Pendakwa Raya v Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 45, terdapat beberapa ciri yang menjelaskan maksud *prima facie*. Pertama, *prima facie* kes berlaku apabila pihak pendakwaan telah membuktikan keterangan yang kukuh yang membuktikan setiap satu elemen kesalahan. Kedua, pemakaian ujian penilaian maksimum terhadap keterangan pihak pendakwaan bagi setiap elemen kesalahan. Sementara ciri terakhir ialah keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan perlu mencapai darjah melampaui keraguan yang munasabah yang sekiranya tidak dipatahkan akan mewajarkan suatu sabitan.

Darjah melampaui keraguan yang munasabah juga mempunyai hubungan dengan keraguan yang munasabah (*reasonable doubt*). *Black's Law Dictionary* (2004) mendefinisikan keraguan yang munasabah sebagai keraguan yang menghalang seseorang daripada yakin bahawa pihak tertuduh adalah bersalah atau kepercayaan bahawa ada kemungkinan sebenar adalah pihak tertuduh tidak bersalah. Dalam sesebuah perbicaraan kes jenayah, pihak tertuduh perlu mengemukakan keterangan sehingga menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Sekiranya pihak tertuduh berjaya menimbulkan keraguan, dia berhak dibebaskan. Merujuk kes *Naggapan v Pendakwa Raya* [1988] 2 MLJ 53, Mahkamah Agung telah memutuskan bahawa seseorang pihak tertuduh hanya perlu menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes pendakwaan iaitu dengan menyerang elemen-elemen jenayah untuk mendapatkan pembebasan. Prinsip ini diteruskan dan dijelaskan Mahkamah Agung menerusi kes *Mohamed Radhi bin Yaacob v Pendakwa Raya* [1991] 3 MLJ 169 bahawa pihak tertuduh perlu menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes pendakwaan bagi membolehkan pihak tertuduh dibebaskan.

### **Darjah Pembuktian Menurut Sistem Civil Law**

Dalam sistem *civil law*, darjah pembuktian kurang ditekankan berbanding dalam sistem *common law*, kerana sistem *civil law* lebih menumpukan kepada kriteria penilaian bukti berbanding darjah pembuktian tetap. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa prinsip umum berkaitan darjah pembuktian yang digunakan dalam sistem *civil law*. Negara-negara yang mengamalkan sistem *civil law* biasanya mempunyai beberapa peraturan asas berkaitan bukti dan pembuktian dalam kod undang-undang mereka masing-masing. Kebanyakan peraturan ini lebih cenderung menetapkan kriteria penilaian bukti berbanding Darjah pembuktian. Pada masa kini, kriteria ini bersifat lebih longgar, memberikan ruang kepada budi bicara hakim. Kriteria ini memberikan garis panduan kepada hakim untuk menilai bukti berdasarkan kebijaksanaan mereka, sering kali disebut sebagai penilaian bebas (*free evaluation of evidence*) (Tuzet, 2021). Keadaan ini mempunyai penjelasan sejarah yang jelas di banyak negara di benua Eropah, usaha kodifikasi bertujuan untuk

menghapuskan, antara lain, kerumitan dalam penilaian bukti yang wujud sebelumnya. Kerumitan tersebut adalah ciri utama undang-undang Kanun Rom dan melibatkan sistem yang dikenali sebagai "pembuktian undang-undang" (*legal proof system*), yang wujud dari akhir abad ke-13 hingga akhir abad ke-18, termasuk era Revolusi Perancis, dan mendominasi Eropah pada abad ke-16 dan ke-17 (Jackson & Summers, 2012).

Dalam sistem tersebut, setiap jenis bukti yang munasabah telah diberikan nilai probatif yang tetap dan ditentukan terlebih dahulu berdasarkan autoriti undang-undang atau pendapat doktrin tertentu. Apabila bukti dikemukakan semasa perbicaraan, tugas hakim hanyalah mengira nilai setiap fakta berdasarkan bukti yang ada. Dalam kata lain, setelah jenis bukti diberikan nilai tetap, hakim hanya perlu menilai bukti yang dikemukakan dalam kes dan membuat keputusan berdasarkan pengiraan tersebut, tanpa atau dengan sedikit budi bicara (Damaska, 2003) . Contoh yang paling terkenal ialah peraturan tradisional "dua saksi" (*two-witness rule*), di mana dua saksi bebas yang memberikan keterangan yang sama dianggap sebagai "bukti penuh" (*full proof*) terhadap fakta yang disahkan, tanpa memberi ruang kepada penilaian hakim terhadap kredibiliti saksi, keadaan keterangan, dan sebagainya. Pada masa yang sama, peraturan ini menetapkan bahawa keterangan daripada seorang saksi tunggal tidak mencukupi untuk membuktikan sesuatu tuntutan, walaupun keterangan tersebut sangat boleh dipercayai dan tepat. Kemudian, pendekatan ini diubah oleh pemikir undang-undang Zaman Pencerahan dan pihak berkuasa Revolusi Perancis yang merancang sistem yang bertentangan. Sistem baru ini memberikan kepercayaan kepada pencari fakta dengan memberikan mereka budi bicara tertentu, tetapi pada masa yang sama menetapkan garis panduan untuk penilaian bukti. Akhirnya, semangat Revolusi Perancis merebak ke seluruh Eropah, dan negara-negara yang mengamalkan sistem undang-undang sivil menerima kerangka kerja baru ini yang masih diterapkan sehingga kini.

Negara-negara yang mengamalkan sistem *civil law* moden mempunyai banyak persamaan dalam kes sivil. Dalam konteks ini, konsep bukti sah (*legal proof*) jarang digunakan, manakala penilaian bebas (*free assessment*) terhadap bukti adalah peraturan utama. Walau bagaimanapun, darjah kebebasan dalam penilaian ini berbeza antara negara. Contohnya, pendekatan Perancis memberikan kebebasan yang lebih besar kepada pihak yang menilai fakta, pendekatan Sepanyol meletakkan lebih banyak kekangan terhadap penilaian tersebut dan pendekatan Itali, yang dikenali sebagai penilaian bijaksana (*prudent assessment*), berada di antara kedua-duanya (Tuzet, 2021). Michele Taruffo (2009) menyatakan bahawa penilaian bebas (*free assessment*) tidak seharusnya dianggap sebagai kebebasan daripada peraturan logik, keperluan rasionaliti atau kekangan yang dikenakan oleh sains dan epistemologi kepada pihak penentu fakta. Sebaliknya, ia adalah kebebasan daripada peraturan yang telah ditetapkan terlebih dahulu dan tetap mengenai nilai bukti; kebebasan daripada sistem lama bukti sah (*legal proof*) dengan beberapa pengecualian kecil yang masih ada. Konsep ini melibatkan penilaian bukti berdasarkan kes demi kes oleh pihak yang munasabah, iaitu minda yang mampu menghargai keunikan kes tertentu dan membuat keputusan faktual yang bertanggungjawab.

Negara-negara yang mengamalkan *civil law* juga menunjukkan sedikit perbezaan dalam kes jenayah, kerana sesetengah negara seperti Chile dan Itali secara eksplisit menerima pakai darjah melampaui keraguan yang munasabah (*beyond reasonable doubt*), manakala negara lain hanya berpegang kepada konsep penilaian bebas (*free assessment*) bukti seperti yang dianjurkan dalam tradisi benua Eropah. Fleksibiliti dalam sistem *civil law* membolehkan hakim membuat keputusan berdasarkan keunikan kes tertentu, tetapi ketiadaan darjah pembuktian yang eksplisit dapat menimbulkan kekeliruan (Tuzet, 2021).

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan dikategorikan sebagai kajian berbentuk doktrinal. Kajian doktrinal menumpukan pada analisis sumber undang-undang utama seperti dokumen rasmi, undang-undang bertulis, dan keputusan mahkamah untuk

mendapatkan pemahaman mendalam mengenai prinsip dan konsep perundangan. Data dikumpulkan melalui metode dokumentasi dengan meneliti pelbagai sumber kajian perpustakaan, termasuk buku, artikel ilmiah, statut, dan kes-kes yang dilaporkan. Sumber-sumber ini memberikan asas data yang kukuh untuk menganalisis isu-isu yang dikaji. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan dua pendekatan utama, iaitu analisis kandungan dan analisis perbandingan. Analisis kandungan digunakan untuk meneliti secara mendalam isi kandungan sumber bagi mengenal pasti tema, pola, dan isu yang berkaitan dengan kajian. Pendekatan ini membantu memahami makna tersirat serta hubungan antara elemen-elemen yang dianalisis. Seterusnya, analisis perbandingan dilakukan untuk membandingkan sistem, prinsip, atau pendekatan yang terdapat dalam pelbagai sumber, seperti persamaan dan perbezaan antara fiqh Islam dan sistem undang-undang positif (*common law* dan *civil law*). Pendekatan ini membantu mengenal pasti kelebihan dan kelemahan dalam setiap sistem. Melalui kombinasi metode dokumentasi dan kaedah analisis yang digunakan, kajian ini mampu menghasilkan dapatan yang berstruktur, relevan, dan berasaskan bukti. Metodologi ini memastikan kajian dilaksanakan secara teliti dan sistematik, sekaligus menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai isu yang dikaji.

## DAPATAN KAJIAN

### Analisis Perbandingan Darjah Pembuktian di antara Perspektif Islam dan Sistem Perundangan

Dalam kes litigasi, keadilan dicapai berdasarkan bukti yang dikemukakan dalam prosiding kehakiman. Bukti ini mesti disampaikan melalui kaedah tertentu yang telah ditetapkan dalam undang-undang yang sedia ada. Kedua-dua undang-undang Islam dan *common law* telah menetapkan peraturan pembuktian yang perlu dipatuhi dalam membuktikan kes di hadapan mahkamah (Suhaizad et al., 2019). Secara dasarnya, pengakuan dan kesaksian merupakan bukti penting dalam menegakkan keadilan dalam perbicaraan (Suhaizad et al., 2021). Selaras dengan perkembangan semasa, keterangan dokumen termasuklah dokumen elektronik yang digunakan pada masa kini juga memainkan peranan penting sebagai kaedah pembuktian bagi menegakkan keadilan dalam sistem perundangan di Malaysia (Aiman Alias et al., 2024). Pembuktian melalui teknologi seperti kaedah forensik digital juga telah diamalkan seiring dengan perkembangan teknologi terkini dan mempunyai nilai kebarangkalian yang tinggi (Ahmad et al., 2021). Selain itu ujian Asid Deoksiribonukleik (DNA) telah diaplikasi bagi menentukan isu berkaitan keturunan dengan tepat sekaligus menjadikan salah satu kaedah pembuktian yang diperlukan pada masa kini (Sulaiman Salhab et al., 2024). Bukti melalui kaedah pembuktian adalah penting dalam membantu hakim mencari kebenaran dan menjatuhkan hukuman yang adil dan saksama (Suhaizad et al., 2021). Pendekatan Islam dan kedua-dua sistem perundangan iaitu sistem *common law* dan *sistem civil law* mempunyai persamaan bahawa pembuktian tidak perlu mencapai tahap keyakinan mutlak (*yaqin*) yang menghapuskan segala kemungkinan atau keraguan. Dalam proses pembuktian di mahkamah, mencapai keyakinan mutlak (*yaqin*) sering kali sukar atau hampir mustahil. Oleh itu, kesemua sistem perundangan ini menerima darjah pembuktian yang lebih rendah daripada keyakinan penuh, asalkan ia didasarkan pada bukti yang kukuh, munasabah dan boleh memberikan keyakinan kepada hakim atau mahkamah. Pendekatan ini mencerminkan keseimbangan antara keadilan dan kepraktisan dalam memastikan keputusan perundangan dapat dicapai dengan adil dan berasas.

Darjah pembuktian dalam tuntutan jenayah menurut sistem *common law* adalah melampaui keraguan munasabah (*beyond reasonable doubt*). Darjah ini bermaksud keyakinan yang sangat kuat, yang mana hanya kemungkinan yang tidak berasas atau tidak signifikan yang masih wujud. Kemungkinan kecil tersebut tidak akan dipertimbangkan oleh orang yang waras dan berhati-hati ketika membuat keputusan penting. Darjah ini setara dengan darjah sangkaan yang kuat (*zan al-Ghalib*) yang hampir mencapai keyakinan mutlak, tetapi tidak mensyaratkan penghapusan semua kemungkinan. Dalam tuntutan kes

sivil, darjah pembuktian yang diamalkan ialah imbangan kebarangkalian (*balance of probability*) atau imbangan bukti (*preponderance of evidence*). Ia bermaksud keyakinan bahawa sesuatu kejadian lebih mungkin berlaku daripada tidak berlaku, walaupun dengan perbezaan yang sangat kecil. Darjah ini setara dengan darjah sangkaan ringan (*al-zan*), iaitu tahap penilaian awal yang tidak memerlukan kekuatan bukti yang kukuh seperti dalam kes jenayah. Sistem *common law* juga menetapkan satu lagi darjah pembuktian khusus bagi isu-isu tertentu yang dianggap berisiko tinggi, iaitu bukti yang jelas dan meyakinkan (*clear and convincing evidence*). Darjah ini memerlukan bukti yang menunjukkan kebarangkalian yang kuat bahawa sesuatu perkara adalah benar, walaupun tidak mencapai tahap *beyond reasonable doubt* seperti dalam kes jenayah. Darjah ini setara dengan darjah sangkaan yang kuat (*zan al-Ghalib*), iaitu tahap sangkaan yang hampir mencapai keyakinan, tetapi masih belum berada pada tahap keyakinan penuh seperti yang diperlukan dalam pembuktian jenayah.

Perspektif Islam dan sistem *common law* berkongsi ciri utama dalam menjadikan konsep sangkaan sebagai asas kepada keputusan perundangan. Kedua-dua sistem dicirikan oleh kejelasan dan ketepatan dalam menentukan peringkat-peringkat pemahaman serta apa yang boleh diterima sebagai bukti sah dalam proses pembuktian di mahkamah. Garis panduan yang jelas dalam kedua-dua sistem ini memastikan tahap sangkaan yang diperlukan bagi setiap jenis tuntutan ditentukan dengan tegas, sesuai dengan kepentingan kes. Sebaliknya, sistem *civil law* memiliki konsep yang lebih umum dan kurang spesifik dalam menetapkan syarat keyakinan yang diperlukan dalam pembuktian. Mereka cenderung tidak membezakan secara terperinci antara keyakinan yang diperlukan dan kemungkinan atau sangkaan yang ditolak sepenuhnya. Selain itu, kelemahan utama sistem *civil law* terletak pada kekaburan dalam membezakan darjah pembuktian bagi tuntutan sivil dan jenayah. Pendekatan ini berbeza dengan Perspektif Islam dan sistem *common law*, yang dengan jelas membezakan darjah pembuktian antara kedua jenis tuntutan tersebut. Dalam Perspektif Islam, tahap sangkaan dalam tuntutan sivil disesuaikan dengan sifat kes, sementara kes jenayah memerlukan tahap sangkaan yang hampir kepada keyakinan mutlak. Perbezaan ini mencerminkan fleksibiliti dan keadilan dalam kedua-dua sistem untuk menangani pelbagai isu perundangan secara menyeluruh.

Dalam sistem *civil law* ia lebih memberi tumpuan kepada kriteria penilaian berbanding menetapkan darjah pembuktian yang jelas. Pendekatan ini mengutamakan penilaian bukti secara kontekstual, memastikan keputusan disesuaikan dengan keunikan setiap kes sambil mengekalkan tanggungjawab kehakiman. Dalam sistem *civil law*, kriteria pembuktian bagi tuntutan jenayah adalah kepastian dan keyakinan penuh (*certainty and conviction*). Kriteria ini merujuk kepada keyakinan hakim yang menghapuskan segala kemungkinan dan tekaan, berdasarkan bukti objektif yang cukup kuat untuk mencapai tahap kepuasan sepenuhnya. Dalam perspektif Islam, konsep ini sebanding dengan *al-yaqinal-ma'nawi*, iaitu keyakinan pemikiran hakim yang hampir mencapai keyakinan mutlak. Kriteria ini juga setara dengan darjah sangkaan yang kuat (*zan al-Ghalib*) yang hampir kepada darjah yang pasti (*al-qat'ei*), asalkan segala kemungkinan yang timbul tidak berdasarkan bukti yang sah atau tidak signifikan. Sementara dalam tuntutan sivil, sistem *civil law* menetapkan kriteria pembuktian yang lebih bebas sehingga mencapai keyakinan dan ketenangan hati mahkamah, disertai ketiadaan keraguan yang ketara terhadap fakta-fakta kes. Namun dalam kes sivil, tidak diperlukan kekuatan dan kepastian bukti seperti yang diperlukan dalam kes jenayah. Darjah ini sebanding dengan darjah sangkaan yang kuat (*zan al-Ghalib*) dalam perspektif Islam, iaitu sangkaan yang kuat tetapi tidak mencapai tahap keyakinan penuh seperti dalam kes jenayah.

Perspektif Islam berbeza daripada kedua-dua sistem perundangan dengan menetapkan panduan khusus untuk mencapai darjah pembuktian yang diperlukan, seperti yang dinyatakan dalam bahagian-bahagian kesaksian yang disebut dalam teks-teks syariah. Panduan ini menyerupai sistem bukti undang-undang yang teratur, di mana kesaksian (*al-syahadah*) memainkan peranan penting dalam pembuktian sesuatu kes. Walau bagaimanapun, perspektif Islam juga membenarkan pencapaian darjah sangkaan yang

diperlukan tanpa terikat sepenuhnya kepada kesaksian tersebut. Sebahagian ulama, seperti Ibn Qayyim, menyokong pandangan bahawa pembuktian boleh dianggap sah jika ia didasarkan kepada bukti yang meyakinkan, walaupun bukti tersebut tidak berbentuk kesaksian yang formal. Pendekatan ini menunjukkan keanjalan perspektif Islam dalam menilai pembuktian berdasarkan kekuatan bukti yang tersedia. Dengan membenarkan penggunaan bukti yang kukuh dan meyakinkan untuk mencapai darjah pembuktian yang diperlukan.

Selain itu, perspektif Islam berbeza dengan *common law* dalam darjah pembuktian bagi tuntutan sivil. Dalam sistem ini, sistem *common law* membenarkan pemakaian darjah pembuktianimbangan kebarangkalian (*balance of probability*) atauimbangan bukti (*preponderance of evidence*), walaupun bukti tersebut tidak disertai kekuatan yang kukuh. Sebaliknya, Islam secara prinsip melarang menjatuhkan keputusan berdasarkan sangkaan yang lemah (*zan al-da'if*), iaitu sangkaan yang tidak diyakini oleh hati dan tidak memberi ketenangan jiwa. Hal ini menunjukkan bahawa perspektif Islam mengutamakan kepastian relatif dalam keputusan sivil, berbanding sekadarimbangan kebarangkalian atauimbangan bukti tanpa kekuatan yang meyakinkan. Pendekatan Amerika Syarikat dalam sistem *common law*, yang menetapkan darjah pembuktian yang lebih tinggi untuk beberapa kes sivil berisiko tinggi iaitu bukti yang jelas dan meyakinkan (*clear and convincing evidence*), mempunyai persamaan dengan perspektif Islam dalam menangani kes kekeluargaan. Dalam perspektif Islam, kes berkaitan harta dan kes kekeluargaan seperti nafkah, perceraian dan hak penjagaan anak memerlukan darjah sangkaan yang lebih kuat (*zan al-Ghalib*). Namun, darjah sangkaan ini tidak mencapai tahap ketat seperti yang diperlukan dalam kes jenayah hudud dan qisas.

## PERBINCANGAN

### **Ketidakteragaman Pemakaian Darjah Pembuktian Bagi Litigasi Kes di Mahkamah Syariah di Malaysia**

Pihak yang memikul beban pembuktian mesti mengemukakan bukti untuk mencapai darjah pembuktian yang ditetapkan. Darjah pembuktian ditakrifkan sebagai tahap dan penilaian tertentu yang mesti dibuktikan oleh pihak pendakwaan dan tertuduh untuk memenuhi beban pembuktian. Oleh itu, darjah pembuktian menentukan sama ada tertuduh bersalah atau dilepaskan (Bahori et al., 2023). Dalam sistem adversarial yang diamalkan di negara ini sama ada di Mahkamah Awam dan Mahkamah Syariah, penggunaan beban pembuktian dan darjah pembuktian adalah aspek penting yang ditekankan dan diwajibkan (Saifuddin et al., 2020). Dalam proses litigasi kes jenayah, beban pembuktian dan darjah pembuktian merupakan elemen penting yang tidak boleh dipisahkan (Saifuddin, 2021).

Walaubagaimanapun terdapat isu pemakaian darjah pembuktian bagi litigasi kes di Mahkamah Syariah sama ada bagi kes mal atau jenayah terus menjadi perbincangan. Penulisan ini mendapati bahawa peruntukan undang-undang berkaitan darjah pembuktian bagi kes jenayah syariah di Malaysia adalah kurang jelas dan terdapat kelompangan yang menyebabkan pelbagai isu dalam pemakaian di mahkamah. Walaupun *Enakmen Tatacara Jenayah Syariah* (ETJS) telah diadaptasi dan diharmonisasikan daripada *Akta Kanun Prosedur Jenayah* (Akta 593), peruntukan berkaitan darjah pembuktian tidak dinyatakan secara nyata, berbeza dengan peruntukan seksyen 173 Akta 593. Lakuna undang-undang ini menyebabkan tafsiran dan pemakaian berbeza dalam menentukan darjah pembuktian di peringkat pendakwaan, pembelaan, dan keseluruhan kes.

Berdasarkan kajian, terdapat lima tafsiran utama darjah pembuktian bagi kes jenayah syariah di peringkat pendakwaan:

- i. *Prima Facie*: Kebanyakan pengamal undang-undang syariah merujuk kepada konsep *prima facie* yang dipinjam daripada amalan Mahkamah Awam. Ia digunakan untuk menentukan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan wujudnya kes terhadap tertuduh, seperti dalam kes *Pendakwa Syarie Negeri Sembilan v Mohd. Nor Wahab* [Kes Jenayah No: 05002-138-0001-2016] dan kes *Pendakwa Syarie Kelantan*

- v Mohamed Sabu & seorang lagi* [1997] 11 JH 6. Namun demikian, kajian mendapati wujud perbezaan tafsiran dan amalan dalam pemakaian konsep *prima facie* ini, yang menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengamal undang-undang syariah. Perbezaan tersebut dapat diklasifikasikan kepada empat tafsiran utama. Tafsiran pertama iaitu *prima facie* ditakrifkan sebagai kewujudan keterangan yang hanya memenuhi sebahagian elemen kesalahan, tanpa perlu membuktikan keseluruhan elemen secara menyeluruh. Sementara itu, tafsiran kedua pula berpandangan *prima facie* merlukan kecukupan keterangan bagi setiap elemen kesalahan, diuji melalui ujian penilaian maksimum, sehingga mencapai tahap melampaui keraguan munasabah. Terdapat juga tafsiran ketiga yang sama seperti tafsiran kedua dari aspek pemenuhan semua elemen kesalahan, namun tidak secara jelas menyatakan ujian penilaian maksimum, tetapi tetap menuntut agar pembuktian melampaui keraguan yang munasabah. Tafsiran keempat pula berpandangan kecukupan keterangan yang memenuhi setiap elemen kesalahan dan sehingga mencapai darjah *zan al-ghalib*.
- ii. *Tiada Sebarang Kemungkinan Boleh Menimbulkan Keraguan yang Munasabah*: Terma ini digunakan secara sporadik dalam beberapa keputusan mahkamah, seperti dalam kes *Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan Labuan v Jaiman Masta & seorang lagi* [2006] CLJ (Sya) 151. Ia mencadangkan bahawa kes *prima facie* hanya wujud apabila tiada langsung kemungkinan wujudnya keraguan yang munasabah terhadap pertuduhan. Namun, penggunaannya kurang konsisten dan tidak disokong dengan takrifan jelas, yang boleh menyebabkan kekeliruan dalam aplikasi dan interpretasi oleh pendakwa dan hakim syarie.
  - iii. *Ada atau Tiada Kes Diwujudkan*: Terma ini digunakan untuk menilai sama ada pembuktian telah mencukupi terhadap setiap elemen kesalahan yang dituduh. Contohnya, ia dirujuk dalam kes *Ketua Pendakwa Syarie Terengganu v Ismail Yahya* [2017] 45(2) JH 262. Terma ini juga termaktub dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (ETJS) bagi beberapa negeri. Namun, kekurangan dalam perincian tahap pembuktian yang dimaksudkan oleh istilah ini menjadikannya terlalu umum, dan membuka ruang kepada tafsiran subjektif oleh hakim yang berbeza.
  - iv. *Zan al-Ghalib*: Darjah pembuktian ini berpaksikan prinsip sangkaan berat atau kemungkinan besar, iaitu keterangan yang membawa kepada kepercayaan yang lebih kuat terhadap kebenaran pertuduhan berbanding sebaliknya. Ia telah diterapkan dalam kes seperti *Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan v Zulkifli Othman* [2013] 4 ShLR 92 dan *Pendakwa Syarie Selangor v NNAR* [2020] SLRSU 18. Prinsip ini diambil daripada konsep hukum Islam dan dilihat selari dengan semangat keadilan Islam, tetapi belum lagi diterima secara menyeluruh sebagai piawaian rasmi dalam kes jenayah syariah di Malaysia.
  - v. *Zan*: Tafsiran ini meletakkan darjah pembuktian yang lebih rendah berbanding prinsip-prinsip lain seperti *zan al-ghalib* atau melampaui keraguan munasabah. Ia bersifat sangkaan yang disokong dengan bukti ringan, namun mencukupi untuk meneruskan kes. Suhaizad (2022) menyatakan bahawa terdapat pandangan yang mengaplikasi darjah ini untuk digunakan dalam peringkat awal pendakwaan bagi menunjukkan kemungkinan wujudnya kes. Walau bagaimanapun, kerana tahap pembuktian yang rendah ini, wujud kebimbangan bahawa ia tidak menjamin perlindungan hak tertuduh secara optimum, jika tidak digunakan secara berhati-hati dan ditafsir dengan jelas.

Manakala bagi di peringkat keseluruhan kes, terdapat beberapa pendekatan berbeza iaitu:

- i. *Tertuduh Perlu Menimbulkan Keraguan Munasabah dan Pendakwaan Melampaui Keraguan Munasabah*: Pendekatan ini mengikuti amalan Mahkamah Awam dan digunakan dalam kes seperti kes *Pendakwa Syarie Selangor v Khalid Abdul Samad* [Kes Jenayah No: 10003- 137-0105-2013] dan menunjukkan usaha mengadaptasi prinsip keadilan jenayah umum ke dalam sistem jenayah syariah. Dalam konteks ini

- pendakwa perlu membuktikan kes terhadap tertuduh sehingga melampaui keraguan yang munasabah. Sekiranya tertuduh berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah, maka dia berhak dibebaskan.
- ii. Tiada Sebarang Kemungkinan Boleh Menimbulkan Keraguan yang Munasabah: Pemakaian ini boleh dilihat dalam kes *Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan Labuan v Agus Wibowo Toh* [Kes Jenayah No: 14300-138-0025-2010]. Pendekatan ini mengangkat darjah pembuktian kepada tahap yang lebih ketat, iaitu mahkamah hanya boleh mensabitkan tertuduh jika langsung tidak wujud sebarang kemungkinan keraguan munasabah dalam kes pendakwaan. Pendekatan ini mencerminkan kehati-hatian melampau dalam memastikan seseorang tidak disabitkan melainkan kejelasan mutlak telah dicapai, namun ia juga berisiko terlalu menyukarkan pihak pendakwa untuk membuktikan kes.
  - iii. Tertuduh Perlu Menimbulkan Keraguan dan Keterangan Pendakwa Mencapai *Zan al-Ghalib*: Pendekatan ini menetapkan bahawa darjah pembuktian keseluruhan kes lebih tinggi daripada peringkat pendakwaan, seperti dalam kes *Ketua Pendakwa Syarie Selangor v Mohd Syarafudidin Shafie & seorang lagi* [Kes Jenayah No: 10400-114-0011-2012]. Pendekatan ini menggunakan kerangka darjah pembuktian hukum syarak yang mana pihak pendakwa perlu membuktikan pertuduhan dengan keterangan yang mencapai tahap *zan al-ghalib* iaitu sangkaan berat atau kemungkinan besar berdasarkan bukti kukuh. Tertuduh pula perlu menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap keterangan tersebut.

Sama seperti kes jenayah syariah, litigasi kes mal di Mahkamah Syariah juga tidak menetapkan darjah pembuktian secara khusus dalam peruntukan undang-undangnya. Kekurangan ini telah menyebabkan berlakunya ketidaksegaraman dalam pemakaian darjah pembuktian bagi kes mal di Mahkamah Syariah, yang bergantung kepada tafsiran dan amalan pihak-pihak yang terlibat dalam sistem kehakiman tersebut. Penulisan ini mengenal pasti dua amalan utama berkaitan darjah pembuktian dalam kes mal yang digunakan di Mahkamah Syariah, iaitu:

- i. Imbangan Kebarangkalian (*Balance of Probability*): Darjah pembuktian ini diambil daripada sistem *common law* dan sering digunakan di Mahkamah Syariah dalam litigasi kes mal. Imbangan kebarangkalian merujuk kepada keyakinan bahawa sesuatu fakta adalah lebih mungkin benar daripada tidak. Pemakaian darjah pembuktian ini dapat dilihat dalam kes *Mohd. Sirajul Arifin v Nur Effa Liana* [2018] 3 LNS 4, di mana mahkamah membuat keputusan berdasarkan kebarangkalian yang memihak kepada salah satu pihak. Selain itu, kes *Rosliza Ibrahim v Kerajaan Negeri Selangor* [2017] 1 LNS 1934 juga menggunakan prinsip imbangan kebarangkalian dalam menentukan hasil litigasi.
- ii. *Zan*: Darjah pembuktian ini merujuk kepada sangkaan yang berasas dan sering dikaitkan dengan prinsip hukum syarak. Pemakaian darjah pembuktian *zan* dapat dilihat dalam kes *Nur Shuhada Elias lwn. Mohd Sabri Hamzah* [2023] SLRHU 3, di mana mahkamah membuat keputusan berdasarkan keyakinan yang timbul daripada sangkaan yang munasabah dan berasaskan bukti yang dikemukakan.

### Cadangan Penyelesaian

Tatacara perundangan kesalahan jenayah syariah haruslah mendasari hukum syarak meskipun perundangan Islam sentiasa dipinda dan digubal berdasarkan peredaran waktu (Borhanuddin et.al., 2025). Kekaburan peruntukan undang-undang berkaitan darjah pembuktian dalam kes jenayah syariah dan kes mal di Malaysia telah menimbulkan pelbagai tafsiran dan amalan yang berbeza. Keperluan untuk menyeragamkan pemakaian darjah pembuktian amat penting bagi memastikan keadilan dan konsistensi dalam sistem kehakiman syariah. Pemakaian prinsip hukum syarak seperti *zan al-Ghalib* boleh menjadi asas penyelesaian kepada isu ini.

Cadangan ini selari dengan kategori jenayah syariah termasuk di bawah kategori kesalahan takzir sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 Pindaan 1984 yang telah menghadkan hukuman kepada denda lima ribu ringgit, tiga tahun pemenjaraan dan enam kali sebatan terhadap semua jenis kesalahan jenayah syariah di negara ini (Suhaizad et.al., 2024). Cadangan ini berdasarkan kepada pandangan fuqaha yang menetapkan pembuktian perlu bersandarkan kepada pengetahuan yang kuat (*'ilm*) atau sangkaan yang kuat (*zan al-Ghalib*) (Al-Kasani, 1910; Ibn 'Abidin, 1966; Ibn. Farhun, 1958; Ibn Qayyim al-Jawziyyah, 1967). Seterusnya, peratusan darjah *zan* bermula dari tingkatan syak iaitu 51 *peratus* adalah menyamai darjah imbalan kebarangkalian (*balance of probability*) yang di amalkan oleh *common law*. Pemakaian darjah *zan* yang rendah ini boleh menimbulkan kekeliruan kepada pengamal undang-undang. Merujuk kepada ketetapan yang dinyatakan dalam keputusan Majlis Tertinggi Kehakiman Arab Saudi, bernombor 230/4 bertarikh 26/3/1417H menekankan prinsip penting dalam sistem kehakiman, iaitu bahawa "asal seseorang itu adalah tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya melalui bukti yang mencapai darjah keyakinan (*yaqin*) atau sangkaan kuat (*zan al-Ghalib*). Keputusan ini menjelaskan prinsip-prinsip kehakiman yang menjadi ukuran dalam menerima dan menggunakan bukti dalam penghakiman. Dalam pada itu, satu lagi ketetapan yang boleh dirujuk khusus kes jenayah hendaklah didasarkan pada keyakinan penuh dan kepastian (*al-jazam wal yaqin*), bukan pada keraguan atau sangkaan. Prinsip ini ditegaskan melalui keputusan Majlis Kehakiman Tertinggi Arab Saudi 202/6 bertarikh 27/2/1424H. Kaedah yang serupa digunakan di negara Mesir sebagai mana dinyatakan Mahkamah Rayuan Mesir dalam keputusan rayuan bernombor 2575 Tahun 90, mahkamah telah menegaskan bahawa keputusan dalam kes jenayah mesti berasaskan kepada kepastian dan keyakinan (*al-jazam wal yaqin*), berdasarkan fakta yang dibuktikan melalui bukti yang sah. Keputusan jenayah tidak boleh didasarkan pada andaian, kemungkinan, atau anggapan semata-mata (*al-zan wa al-ihtimal*) tanpa bukti kukuh. Kaedah ini juga menjelaskan pembuktian mesti memenuhi tiga syarat iaitu diambil berdasarkan keterangan sah, mengikut prosedur undang-undang yang sah dan keputusan hakim mesti logik dan berpandukan akal. Kaedah ini juga diamalkan di beberapa negara lain seperti Qatar dan Emiriah Arab Bersatu (Ibn Azzi, 2020).

Penulisan ini mencadangkan agar dalam konteks kesalahan jenayah syariah di Malaysia yang mana hukumannya berbentuk takzir dan rendah, pembuktian sehingga 80 peratus sudah memadai. Namun, sekiranya hukuman takzir lebih berat seperti hukuman mati, pembuktian yang mencapai 90 peratus ke atas diperlukan untuk pensabitan. Bagi hukuman hudud perlu mencapai darjah *yaqin* iaitu 100 peratus.

Di samping itu, ketiadaan penetapan darjah pembuktian yang jelas dalam kes mal di Mahkamah Syariah telah membawa kepada ketidaksegeraan dalam pemakaiannya. Walaupun darjah *imbangan kebarangkalian* diambil daripada sistem *common law* dan diterima pakai, pemakaian darjah pembuktian yang selaras dengan prinsip syarak juga dilihat relevan dalam konteks Mahkamah Syariah. Penulisan ini mencadangkan agar pemakaian *zan* (bukan *zan al-da'if* yang rendah iaitu 51 peratus) atau sebaiknya *zan al-Ghalib* diguna pakai bagi litigasi kes mal. Pemakaian darjah pembuktian *zan* ini hendaklah lebih tinggi daripada imbalan kebarangkalian (*balance of probability*) yang di amalkan oleh *common law*. Pemakaian *zan al-Ghalib* ini lebih kurang setara dengan darjah pembuktian bukti yang jelas dan meyakinkan (*clear and convincing evidence*) yang diamalkan di Amerika Syarikat. Peratusan bagi pemakaian *zan* atau *zan al-Ghalib* dalam kes mal yang dicadangkan perlu melampaui 70 peratus ke atas yang mana kurang dari peratusan *zan al-Ghalib* bagi kes jenayah. Oleh itu, penyeragaman darjah pembuktian dan garis panduan yang jelas amat diperlukan untuk memastikan konsistensi dalam keputusan mahkamah dan keadilan kepada semua pihak yang terlibat. Pendekatan menggunakan prinsip Islam ini lebih fleksibel berdasarkan jenis kes yang dibicarakan.

**PENUTUP**

Darjah pembuktian adalah elemen penting dalam sistem perundangan, termasuk menurut perspektif Islam. Penulisan ini mendapati bahawa kes jenayah syariah seperti hudud dan qisas memerlukan darjah pembuktian tertinggi (*yaqin*), manakala kes takzir dan kekeluargaan membolehkan penggunaan darjah yang lebih rendah seperti *zan al-Ghalib*. Ketatnya keperluan dalam hudud dan qisas bertujuan memastikan keadilan terjamin dan mengelakkan hukuman jika terdapat keraguan, manakala fleksibiliti dalam takzir dan kekeluargaan memungkinkan pertimbangan praktikal yang lebih relevan. Perbandingan antara fiqh Islam, *common law* dan *civil law* mendapati terdapat persamaan dan perbezaan berhubung dengan darjah pembuktian yang telah ditetapkan bagi litigasi kes. Di Mahkamah Syariah Malaysia, ketidakseragaman dalam pemakaian darjah pembuktian dalam kes mal dan jenayah, berpunca daripada kekurangan peruntukan undang-undang yang jelas. Pelbagai tafsiran seperti *prima facie*, *zan al-Ghalib*, dan imbangan kebarangkalian digunakan, namun ketiadaan garis panduan khusus menyebabkan amalan yang tidak seragam. Ini berpotensi menjejaskan konsistensi dan kepercayaan masyarakat terhadap sistem perundangan syariah. Oleh itu, penyeragaman darjah pembuktian di Mahkamah Syariah amat diperlukan. Pemakaian *zan al-Ghalib* bagi kes mal dan takzir dilihat sesuai untuk memastikan keadilan tanpa menjejaskan prinsip syarak. Bagi kes jenayah berat, *yaqin* perlu kekal sebagai darjah pembuktian tertinggi. Pendekatan ini akan memastikan konsistensi, meningkatkan kepercayaan masyarakat, dan menyeimbangkan keadilan serta fleksibiliti dalam sistem kehakiman syariah.

**PENGHARGAAN**

Kajian ini dibiayai oleh Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), kod projek GGPM-2023-006.

**RUJUKAN****Akta**

*Akta Kanun Prosedur Jenayah* (Akta 593).

**Buku**

- Abu Hilal Al-Askari, Al-Hassan ibn Abdullah. (1997). *Furuq Al-Lughowiyah*. Kaherah: Dar Ilmu wa Al-Thaqofah.
- Ahmad Ibrahim Bek. (2003). *Turuq al-Ithbat al-Syar'iyyah*. Mesir: Maktabah al-Azhariah al-Turath.
- Al-Qurtubi. (t.t). *Al-Jami' li Ahkam Al-Quran* (Jil. 16). Kaherah: Dar al-Hadis.
- Al-Bahuti. (1997). *Kasyaf Al-Qana'* (Jil. 2). Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Baihaqi, A. I. (2003). *Al-Sunan al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Burnu, M. S. bin Ahmad. (1989). *Al-Wajiz fi Idah Qawa'id Al-Fiqh Al-Kulliyah*. Riyadh: Maktabah Al-Ma'arif.
- Al-Dusuki, S. M. (1929). *Hasyiah Al-Dusuki 'Ala Al-Syarh Al-Kabir*. Kaherah: Maktabah Al-Azhariyyah.
- Al-Fayumi, A. ibn M. (1926). *Al-Misbah Al-Munir*. Mesir: Matba'ah Al-Amiriyyah.
- Al-Gharib al-Isfahani, A. al-Q. (1978). *Al-Mufradat fi Gharib Al-Quran*. Beirut: Dar Al-Ma'rifah.
- Al-Ghazali. (1970). *Syifa' Al-Ghalil Fi Bayan Al-Syibh wa Al-Makhil Al-Masalik Al-Ta'lil*. Baghdad: Maktabah Al-Irsyad.
- Al-Hamwi, Y. S. Ibn-'Abdullah al-Rumi. (1998). *Ghamaz 'Uyun Al-Basair*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Hariri, I. M. (1998). *Al-Madkhal Ila Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah Al-Kulliyah*. Amman: Dar 'Ammar.
- Al-Jurjani, 'A. ibn M. al-Sayyid al-Sharif. (2000). *Al-Ta'rifat*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Al-Ramli, S. (1983). *Nihayah Al-Muhtaj Sharh Al-Minhaj*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Raysuni, A. A. S. M. (1997). *Nazariah Al-Taqrif wa Al-Taghlib*. Mesir: Dar Al-Kalimah.

- Al-Razi, F. (1997). *Al-Mahsul*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Al-Sarkhasi, M. A. I. (1989). *Al-Mabsut*. Beirut: Dar Al-Ma'rifah.
- Al-Suyuti, J. (1998). *Al-Asybah wa Al-Nazair*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Syatibi, I. M. bin M. (1997). *Al-Muqafaqat*. Mesir: Dar Ibn 'Affan.
- Al-Zarkasyi, M. bin B. (2000). *Al-Bahru Al-Muhith Fi Usul-Fiqh*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Black's Law Dictionary. (2004). London: West Publishing.
- Ibn 'Abidin, M. A. (1966). *Rad Al-Muhtar*. Mesir: Matba'ah Mustafa al-Halabi.
- Ibn Al-Humam, K. M. (1970). *Fath Al-Qadir*. Mesir: Mustafa Al-Babi Al-Halabi.
- Ibn Amir Al-Haj, M. (1983). *Al-Taqrir wa Al-Tahbir*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Ibn Faris, A. A. (1972). *Mu'jam Maqayis Al-Lughah*. Mesir: Matba'ah Mustafa Al-Babi Al-Halabi.
- Ibn Manzur, M. I. M. (2000). *Lisan Al-'Arab*. Beirut: Dar-Sader.
- Ibn Qudamah, A. M. (1984). *Al-Mughni*. Mesir: Dar Al-Fikr.
- Ibn Farhun. (1958). *Tabsirah Al-Hukkam* (Jil. 1). Mesir: Matba'ah Mustafa Al-Halabi.
- Jackson, J. D., & Summers, S. J. (2012). *The Internationalisation of Criminal Evidence: Beyond the Common Law and Civil Law Traditions*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mahmood Saedon A. Othman. (1990). *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Mustafa Zuhaili. (1982). *Wasail Ithbat fi al-Syariah al-Islamiah fi al-Muamalat al-Madaniyyah wa al-Ahwal al-Syakhsiyyah*. Damsyik: Maktabah Dar Al-Bayan.
- Naif bin Ali bin Abdullah Al-Qafari. (2012). *Dhabit Al-Takzir Yasbitu Ma' Al-Syubhah*. Arab Saudi: Syabakah Alukah.
- Oxford English Dictionary. (2010). London: Oxford University Press.
- Peters, M. C., & Stockdale, M. (1996). *Evidence in a Nutshell*. London: Sweet & Maxwell.
- Subhi Mahsamani. (1946). *Falsafah al-Tasyrie Fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Kasyaf.
- Wahbah Zuhaili. (2004). *Fiqh Al-Islami Wa Adallatuhu*. Beirut: Dar al-Fikr.

## **Jurnal**

- Ahmad, M. H., Baharuddin, A. S., Hashim, H., Razak, R., & Saharudin, N. S. (2021). Forensic evidence as a mean of proof in developing prima facie case in takhrib criminal offence. *UUM Journal of Legal Studies*, 13(1), 221-248.
- Aiman Alias, M.A., Wan Ismail, W.A.F., Baharuddin, A.S., & Mallow, M.S. (2024). Wasa'il Ithbat dalam Undang-Undang Keterangan Islam: Analisis Perundangan Terhadap Keabsahan Dokumen Elektronik Di Mahkamah Syariah Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(3), 689-700.
- Bahori, A., Mat Rashid, A., Yahya, M. A., Saifuddin, S., & Mat Salleh, M. K. (2023). Evidence and prosecution of out-of-wedlock pregnancies: A legal perspective of Syariah criminal offences in Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies*, 14(1), 1-30.
- Borhanuddin, S.A., Samah, M., & Mat Hussin, M.N. (2025). Mekanisme penguatkuasaan kesalahan matrimoni perkahwinan tanpa kebenaran bagi orang islam di negeri Johor. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 13(1), 18-34.
- Damaska, M. (2003). Epistemology and legal regulation of proof. *Law, Probability and Risk*, 2, 117-130.
- Ibn Azzi, L. (2020). Building criminal rulings on certainty and certainty. *Mediterranean Dialogue*, 11(3), 310-330.
- Othman, M. S. A. (1989). Pembuktian: Kepentingan beban dan hukumnya. *Jurnal Hukum*, 6(2), 167-193.
- Saifuddin, S. (2021). Peruntukan beban pembuktian di bawah enakmen keterangan Mahkamah Syariah: Satu penilaian. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 28, 78-91.
- Saifuddin, S. Markom, R. & Muhamad, M. M. (2019). Kaedah pembuktian dalam undang-undang keterangan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil di Malaysia: Suatu kajian perbandingan. *Jurnal Kanun*, 31(1), 1-34.

- Saifuddin, S. Mohd Shariff, A. A. Md. Said, M.H. & Yahya, M .A. (2021). Kepentingan aspek keterangan dalam penulisan alasan penghakiman kes jenayah Syariah di Malaysia: Satu Analisis. *ISLĀMIYYĀT*, 43, 67-77.
- Saifuddin, S., Ali Tajuddin, H. H., Hashim, F. Y. (2025). Meneroka Perspektif Islam Berhubung dengan Penahanan Reman dan Penambahbaikan Undang-Undang Tatacara Jenayah Syariah di Malaysia. *Akademika*, 95(1), 477-495.
- Saifuddin, S., Ali Tajuddin, H. H., Yahya, M. A., Abd Rahman, M. R., & Hashim, F. Y. (2024). Examining The Application of Standard of Proof in Criminal Cases: A Comparative Analysis of Islamic Law and Common Law in Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(1), 11-22.
- Saifuddin, S., Mat Salleh, M.K., Ali Tajuddin, H. H. & Yahya, M. A. (2024). Kepentingan Pewartaan Fatwa Dalam Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah Di Malaysia: Satu Analisis. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(4), 21-31.
- Sulaiman Salhab, B. B., & Muhsin, S. M.(2024).An examination of evidence of lineage in the light of themes of worship and reasoning: A conceptual and analytical study: Qirā'ah fī adillat al-nasab fī daw' mabāhith al-ta'abbud wa-al-ta'līl: Dirāsah ta'sīliyyah taḥlīliyyah. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(3), 701-725.
- Tuzet, G. (2021). Evidence Assessment and Standards of Proof: A Messy Issue. *Quaestio Facti. Revista Internacional Sobre Razonamiento Probatorio*, 2, 87–114.
- Zulkifli, A.H. (2019). Beban Pembuktian Dalam Kes Mal Menurut Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Di Malaysia. *Legal Network Series*, 1, 1-15.

### **Kes**

- Ang Hiok Seng v Yim Yut Kiu* [1997] 1 AMR 917.
- Balachandran v Pendakwa Raya* [2005] 2 MLJ 301.
- Ketua Pendakwa Syarie Selangor v Mohd Syarafudidin Shafie & seorang lagi* [Kes Jenayah No: 10400-114-0011-2012].
- Ketua Pendakwa Syarie Terengganu v Ismail Yahya* [2017] 45(2) JH 262.
- Miller v Minister of Pension* [1947] 2 All ER 372.
- Mohamed Radhi bin Yaacob v Pendakwa Raya* [1991] 3 MLJ 169.
- Mohd Radhi bin Yaacob v Pendakwa Raya* [1991] 3 MLJ 171.
- Naggapan v Pendakwa Raya* [1988] 2 MLJ 53.
- Noel Kenneth Davidson v Firm Corp. Sdn. Bhd* [1994] 2 MLJ 40.
- Pendakwa Raya v Chin Yoke* [1940] MLJ 47.
- Pendakwa Raya v Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 45.
- Pendakwa Syarie Kelantan v Mohamed Sabu & seorang lagi* [1997] 11 JH 6.
- Pendakwa Syarie Negeri Sembilan v Mohd. Nor Wahab* [Kes Jenayah No: 05002-138-0001-2016].
- Pendakwa Syarie Selangor v Khalid Abdul Samad* [Kes Jenayah No: 10003- 137-0105-2013].
- Pendakwa Syarie Selangor v NNAR* [2020] SLRSU 18.
- Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan Labuan v Agus Wibowo Toh* [Kes Jenayah No: 14300-138-0025-2010].
- Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan Labuan v Jaiman Masta & seorang lagi* [2006] CLJ (Sya) 151.
- Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan v Zulkifli Othman* [2013] 4 ShLR 92.
- Woolmington v Pendakwa Raya* [1935] AC 462.
- Zafrin Zulhilmi bin Pauzi v Noor Aini binti Nasron*.

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*